

Uchapan Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein Yang di-Pertua UMNO dan Perdana Menteri di-Perhimpunan Agong Khas UMNO pada 8hb. Mei, 1971 di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

SAYA mengucapkan shukor ka-hadhrat Tuhan Rabbul'alamin kerana dengan hidayah dan izin-Nya kita sakalian dapat berhimpun di-sini pada hari ini untok mengkaji sa-mula gerakan dan perjalanan UMNO sa-lama 25 tahun yang lepas serta dapat pula kita bersama2 berunding dan berfikir berkenaan dengan dasar dan perjalanan Parti kita masa yang akan datang. Saya mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kapada saudara2 sakalian yang telah datang dari jauh dan dekat untok menghadhiri dan menjayakan Perhimpunan Agong Khas UMNO ini.

Bagitu juga saya mengucapkan terima kaseh kapada saudara2 kita yang datang dari Sabah dan Sarawak sa-bagai tetamu khas kita dalam Perhimpunan ini. Saya suka mengambil peluang merakamkan perasaan sukachita dan bangga kita di-sebabkan kedua negara Sabah dan Sarawak ada-lah mempunyai Kerajaan yang kukoh dan kuat pada masa ini.

Kapada Y.A.B. Tun Datu Mustapha, Ketua Menteri Sabah, kita sampaikan ucapan sa-tinggi2 tahniah di-atas kejujoran dan kecekapan beliau' mentadbir negeri Sabah dan bagitu juga saya menguchapkan tahniah kapada Dato Haji Abdul Rahman Ya'kub yang telah mula mengator langkah mentadbirkan negeri Sarawak. Kita berharap dan kita yakin bahawa hubongan yang erat akan sentiasa terjalin antara ahli2 UMNO dengan ahli2 bumiputra di-Sabah dan Sarawak.

Perhimpunan Agong Khas UMNO ini di-adakan pada sa'at dan ketika yang penting dan bersejarah ia-itu pada masa UMNO genap usia-nya 25 tahun. Oleh itu, sangat-lah sesuai bagi kita pada hari yang bersejarah ini mengingat kembali akan dasar dan perjalanan UMNO pada masa yang lampau, akan jasa2 yang telah di-perbuat oleh UMNO, supaya dengan itu dapat kita memandang ka-hadapan menentukan dasar dan peranan yang mesti di-ambil oleh Parti kita pada beberapa tahun yang akan datang.

Sa-telah berjuang sa-lama 25 tahun di-tengah2 gelanggang politik negara kita, saya fikir sudah sampai-lah masa-nya bagi kita ahli2 UMNO menyemak dan mengkaji sa-mula dasar dan perjalanan Parti kita supaya kita dapat sa-benar2-nya menyesuaikan dasar dan perjalanan Parti dengan aliran zaman dan kehendak2 dan kemahuan orang2 Melayu khas-nya dan kehendak2 negara 'am-nya.

PERUBAHAN UNTOK KEMAJUAN

Sejak saya mengambil alih tugas Yang di-Pertua UMNO saya telah mengarahkan supaya di-adakan perubahan di-mana2

perlu, terutama untok memperkemas dan memperlichin jentera Parti kita. UMNO telah di-tubohkan 25 tahun dahulu dalam suasana dan keadaan yang tertentu. Sekarang keadaan itu sudah pun berubah; oleh itu, mustahak-lah kita membuat perubahan yang perlu sesuai dengan keadaan hari ini.

Saya rasa demi kepentingan masa depan negara kita dan juga Parti khas-nya, kita perlu mengambil tindakan2 yang sesuai dengan perubahan2 yang kita alami dari sa-masa ka-sa-masa dan menerangkan tujuan mengadakan perubahan itu untok membolehkan kita semua meneruskan dasar yang telah di-tetapkan itu, dan menyesuaikan-nya dengan kehendak2 zaman. Y.T.M. Tunku pernah berkata bahawa UMNO ia-lah sa-buah Parti politik yang menjalankan dasar dan tugas-nya sesuai dengan aliran zaman dan kemahuan orang2 Melayu khas-nya dan warganegara Malaysia 'am-nya.

Kita mesti-lah mengakui hakikat kalau Parti kita UMNO ingin mengekalkan pengaruh-nya di-kalangan ra'ayat, untok menchapai chita2 dan matlamat kita, kita mesti-lah mengembelingkan segala tenaga yang ada untok menghadapi segala chabaran dan mas'alah2 di-hadapan kita. Masa-nya sudah sampai dan kita tidak-lah boleh berdiam diri jika kita tahu bahawa satu keputusan perlu di-ambil, atau perubahan perlu di-lakukan bagi kemajuan. Kita tidak-lah boleh bersikap dingin bahkan mesti sentiasa bergerak maju asalkan kita yakin dan perchaya segala tindakan yang kita ambil ada-lah kerana kepentingan ra'ayat dan negara.

CHADANGAN PINDAAN

Pada Perhimpunan Agong UMNO yang di-adakan pada 23hb. Januari yang lepas, saya telah mengumumkan bahawa

tujuan mengadakan Perhimpunan Agung Khas hari ini ia-lah sa-mata2 untok membolehkan kita sa-bagai pemimpin2 parti dari semua perengkat, membinchangkan hal Parti kita pada keseluruhan-nya. Maka dengan itu, saya harap saudara2 sakalian akan memberikan suara dan pendapat dalam perbinchangan ini dengan penoh kesedaran dan kejujoran. Soal yang penting yang kita semua hadapi hari ini ia-lah mengambil satu keputusan muktamad terhadap chadangan Majlis Kerja Tertinggi untok meminda Perlembagaan Parti kita saperti mana yang telah dibentangkan dalam Kertas Kerja yang telah pun di-sedia dan di-edarkan itu.

Saya suka menyatakan di-sini bahawa Majlis Kerja Tertinggi telah pun mengkaji dengan sa-halus2-nya pindaan2 yang telah di-chadangkan itu. Saya sendiri telah juga mengkaji-nya dengan mendalam tanpa membelakangkan keadaan politik hari ini serta kemahuan orang2 Melayu sakalian serta harapan mereka kapada kita sa-bagai Parti terbesar di-dalam Perikatan yang mendukung Kerajaan kita pada hari ini. Saya berharap saudara2 sakalian akan dapat memberi persetujuan serta sokongan yang penoh kapada pindaan2 ini.

Sa-bagaimana saudara2 sedia ma'alum, dalam masa tiga hari lagi, ia-itu pada 11hb. Mei, Parti kita akan menyambut hari ulangtahun-nya yang ke-25. Kejayaan Parti kita memasoki usia suku abad ini bukan sahaja merupakan satu batu tanda sejarah yang penting, tetapi juga menjadi satu peringatan kapada kita supaya menyambong usaha2 yang lepas untok membolehkan Parti kita terus mara ka-hadapan. Kita mesti-lah memperkukoh landasan Parti kita kerana jika landasan-nya sudah tidak sesuai dengan politik yang sentiasa berubah itu, saya bimbang pula Parti kita tidak akan dapat menyambut Jubili Emas-nya kelak.

Dengan kerana itu, Majlis Kerja Tertinggi telah membuat keputusan untuk menyemak sa-mula Perlembagaan UMNO kita ini dan mengambil langkah2 yang mustahak bagi meminda mana2 Fasal yang boleh di-anggap sa-bagai unsur2 yang akan menghalang kemajuan Parti kita. Penyemakan ini juga sangat perlu untuk membolehkan Parti kita memainkan peranan-nya yang utama di-samping memenohi segala tuntutan yang ada sekarang serta membuat persiapan2 bagi menghadapi chabaran2 masa hadapan.

Pindaan2 yang di-kemukakan ini bukan sahaja akan mengukuhkan lagi disiplin atau tata-tertib di-kalangan ahli2 Parti pada semua perengkat, bahkan juga menjamin perjalanan Parti akan bergerak maju pada sa-tiap masa. Pindaan2 ini akan mengelakkan segala kerumitan yang boleh menghalang perjalanan atau merosakkan pentadbiran Parti.

Pindaan2 ini akan menentukan masa2 meshuarat pada semua perengkat. Di-masa2 yang lepas, meshuarat Jawatankuasa tidaklah di-berikan kepentingan yang sa-patut-nya, tetapi sekarang kita menentukan masa2 meshuarat pada sa-tiap perengkat chawangan, bahagian dan seterusnya. Dengan chara ini, baru-lah kita dapat mengukor kesanggupan pemimpin Parti dan menekankan rasa tanggungjawab mereka kapada UMNO.

Saya suka juga menerangkan dengan lebeh lanjut tentang pindaan2 lain kapada Perlembagaan kita. Pada masa2 yang lepas, jika sa-saorang Majlis Kerja Tertinggi meminta berhenti daripada jawatan-nya dan jika pemberhentian-nya itu di-terima, maka Majlis Kerja Tertinggi tidak mempunyai kuasa untuk melantek ganti-nya. Majlis Kerja Tertinggi akan hilang satu tenaga sa-

hingga-lah sa-orang ahli baru di-lantek dalam Perhimpunan Agong yang berikut-nya yang hanya di-adakan sa-tahun sa-kali. Dengan kerana tugas dan peranan UMNO hari ini makin bertambah berat, Majlis Kerja Tertinggi tidak-lah dapat membiarkan kekosongan itu berterusan.

Oleh yang demikian, Fasal (6) cheraian 18 di-chadangkan supaya di-pinda untok memberi kuasa kepada Majlis Kerja Tertinggi mengisi kekosongan yang timbul itu. Dengan chara ini, Majlis Kerja Tertinggi tidak-lah akan mengalami kekosongan yang bagitu lama. Pindaan ini ada-lah sesuai dengan chadangan untok memanjangkan tempoh perkhidmatan ahli2 Majlis Kerja Tertinggi daripada sa-tahun kepada tiga tahun tanpa di-undi pada tiap2 tahun saperti yang di-amalkan pada masa ini.

Sa-bagaimana saudara2 semua ma'alum tempoh satu tahun itu sangat-lah sengkat dari segi perjuangan politik. Kita tidak dapat mengharapkan sumbangan yang benar2 berkesan dan efektif dari ahli2 Majlis Kerja Tertinggi jika mereka di-pilih pada tiap2 tahun. Berikutan dengan chadangan untok meminda tempoh perkhidmatan ahli2 Majlis Kerja Tertinggi, di-susul pula dengan chadangan untok meminda tempoh perkhidmatan ahli2 Jawatankuasa di-perengkat Bahagian daripada satu tahun kepada dua tahun. Pindaan ini membolehkan mereka meranchangkan dengan lebeh mendalam garis2 perjuangan Parti di-perengkat Bahagian. Chadangan ini, saya rasa, tentu dapat di-persetujui oleh saudara2 sakalian kerana hanya dengan chara ini baharu-lah ahli2 Majlis Kerja Tertinggi dan pemimpin2 di-perengkat Bahagian benar2 dapat menjalankan peranan mereka dengan lebeh efektif tanpa mengeneipkan ranchangan2 jangka panjang yang mungkin tidak dapat di-buat jika tempoh perkhidmatan mereka terhad sa-tahun demi sa-tahun.

Pindaan yang kedua penting-nya ia-lah untok memperkuatkan lagi disiplin Parti. Ini berma'ana ahli2 Parti tidak kira mereka itu ahli Majlis Kerja Tertinggi atau pun Ketua Bahagian, jika mereka melakukan perkara2 yang bertentangan dengan dasar Parti atau pun mereka tidak menjalankan tugas2 mereka dengan sempurna, mereka boleh di-luchutkan dari jawatan itu. Chadangan ini di-kemukakan untok membolehkan sa-kurang-nya 2/3 daripada ahli2 Majlis Kerja Tertinggi memberhentikan sa-saorang ahli Majlis Kerja Tertinggi jika di-dapati ahli itu menyeleweng dari tugas-nya. Sa-terus-nya ada-lah di-chadangkan Majlis Kerja Tertinggi di-beri kuasa supaya boleh menggantikan ahli yang di-pechat itu sa-lain dari kuasa untok mengganti mana2 pegawai UMNO di-sa-barang perengkat yang telah berhenti dari jawatan mereka. Saya perchaya chadangan2 ini bukan sahaja akan dapat mengukuhkan lagi disiplin UMNO di-semua perengkat bahkan juga akan dapat mengekalkan perpaduan Parti serta mengujudkan sikap bertanggungjawab bukan sahaja di-kalangan ahli2 Parti bahkan lebeh2 lagi di-kalangan pimpinan UMNO.

Satu lagi pindaan ia-lah berkenaan dengan kuasa menentukan chalun2 bagi Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri. Menurut Perlembagaan yang ada sekarang ini, kuasa ini ada-lah di-tangan Majlis Kerja Tertinggi dan Majlis Kerja Tertinggi di-kehendaki menjalankan kuasa ini sa-telah berunding dengan Jawatankuasa Kerja Bahagian. Chara ini akan di-teruskan, akan tetapi di-fikirkan tidak lagi perlu bagi Chawangan2 mengemukakan nama2 chalun bagi kawasan masing2 kerana pada masa yang lampau ini-lah perkara yang rumit yang selalu menimbulkan perselisehan faham di-kalangan ahli2 UMNO dan penyokong2-nya.

Oleh itu, di-fikirkan mustahak kuasa muktamad di-atas perkara ini terletak di-tangan Majlis Kerja Tertinggi, akan tetapi sa-

belum memutuskan nama2 chalun, Majlis Kerja Tertinggi dikehendaki berunding dengan Jawatankuasa Kerja Bahagian.

Satu lagi pindaan yang juga penting ia-lah berkenaan dengan hubungan Parti dengan Kerajaan. Tujuan mengadakan chadangan ini ia-lah kerana terdapat ahli2 parti yang memegang jawatan dalam Kerajaan tidak mengambil berat sangat untok melaksanakan dasar2 Parti dan kerap kali hubungan mereka dengan Parti menimbulkan beberapa tanda tanya di-kalangan ahli2 dan Fasal (18) di-chadangkan untok menegaskan tanggungjawab tiap2 ahli yang di-pilih atau pun di-lantek melalui Parti bagi memegang jawatan dalam Kerajaan supaya melaksanakan dasar2 Parti dan mereka akan bertanggungjawab di-atas kesempurnaan perhubungan antara Parti dengan Kerajaan.

Di-samping itu, ada-lah mustahak segala dasar pokok yang akan di-jalankan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri hendak-lah memastikan bahawa dasar2 Parti yang telah di-persetujui itu di-laksanakan dengan sa-penoh-nya. Di-dalam hal ini, Majlis Kerja Tertinggi ada-lah bertanggungjawab menentukan garis2 panduan bagi menjayakan tujuan2 Parti di-dalam Kerajaan.

Dengan lain perkataan, pelaksanaan chadangan ini dengan sendiri-nya akan mewujudkan satu sistem pemerentahan di-mana pentadbiran negara ada-lah benar2 berasaskan kapada pimpinan politik atau "political leadership" serta membuktikan bahawa Kerajaan yang memerintah benar2 mendapat dukongan Parti.

Satu lagi chadangan pindaan ia-lah mengadakan satu sistem yang mewajibkan sa-orang ahli Parti yang menjadi anggota Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atau Majlis Tempatan

di-sabarang perengkat atau pun memegang sa-suatu jawatan melalui Parti supaya membayar sumbangan bulanan. Majlis Kerja Tertinggi akan berhak membuat peratoran mengenai bayaran bulanan ini. Saya rasa pindaan ini sangat-lah mustahak kerana di-masa2 yang lampau ada sa-tengah2 ahli yang tidak menunai-kan tanggungjawab mereka tentang bayaran bulanan ini.

Saya juga berchadang hendak mengenakan pindaan ini ka-pada semua ahli UMNO yang mendapat sa-barang faedah dari-pada Parti sa-lain dari apa yang saya sebutkan di-atas tadi. Tujuan kita ia-lah supaya Parti kita dapat mengukuhkan ke-dudukan kewangan-nya dan di-samping itu menyedarkan tang-gongjawab sa-tiap ahli Parti yang telah mendapat faedah dari Parti terhadap UMNO.

Berkenaan dengan lantekan wakil ka-Perhimpunan Agong Tahunan, ada-lah di-chadangkan bagi perengkat Bahagian, di-lantek sa-orang wakil bagi tiap2 500 orang ahli yang telah men-jelaskan yuran pada tahun yang berkenaan dan tidak sa-orang wakil bagi 250 orang ahli saperti yang berjalan sekarang ini. Tujuan pindaan ini ia-lah hendak mengurangkan sedikit bilangan perwakilan oleh kerana UMNO sa-makin hari sa-makin ber-tambah ramai ahli-nya dan Perhimpunan Agong telah menjadi terlalu besar dan ramai sa-hingga tidak ada tempat yang chukup besar untok menampong perwakilan bagi Perhimpunan Agong.

Saya tidak-lah berhajat hendak mengulas satu persatu chadangan2 pindaan kapada Perlembagaan ini kerana saya per-chaya saudara2 semua tentu-lah sudah mengkaji-nya dengan mendalam. Memadai-lah sahaja bagi saya menyentoh perkara2 yang penting yang saya sebutkan tadi dan sa-kali lagi saya ber-

harap saudara2 sakalian akan membinchangkan pindaan2 ini dengan sikap yang ikhlas dan jujur serta memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi untok meluluskan pindaan2 itu.

Sa-bagaimana seringkali saya katakan, negara kita sedang menghadapi chabaran2 baharu di-samping kita menyelesaikan mas'alah yang sekarang ada di-hadapan kita. Kejayaan kita membawa bahtera negara menuju pantai bahagia bergantung sa-mata2 kapada perpaduan ra'ayat dan kemampuan Kerajaan mengatasi segala mas'alah2 masa hadapan ini. Ini terserah-lah kapada kemampuan pemimpin2 Parti menjaga ketegohan dan perpaduan UMNO khas-nya dan Perikatan 'am-nya. Pendek kata, masa depan ini benar2 menghendaki kita memberikan pimpinan yang dinamik dan berkesan kapada ra'ayat dan negara.

PARTI MENGUASAI KERAJAAN

Berthabit dengan ini, saya akan menerangkan dengan ringkas hubongan Parti dengan Kerajaan dan apa-kah yang sa-benar-nya di-maksudkan dengan konsep Parti mendukung Kerajaan. Saya harap sa-lepas ini pimpinan UMNO dari semua perengkat akan faham betul2 tentang hubongan Parti dengan Kerajaan itu.

Asas landasan Parti kita ia-lah sokongan yang di-berikan kapada pemimpin2 Parti untok menjamin supaya terus menguasai Kerajaan untok sa-berapa lama. Kekuasaan Kerajaan ada-lah terletak di-tangan Jema'ah Menteri yang di-ketuai dan di-pimpin oleh Perdana Menteri. Pada kebiasaan-nya, Perdana Menteri ada-lah juga Ketua Parti dan Perdana Menteri-lah yang bertanggungjawab kapada Parti bagi menentukan dasar Kerajaan

dan melaksanakan-nya. Garis2 panduan dasar Kerajaan akan dibentangkan serta di-binchangkan dalam Persidangan Agung dari satu masa ka-satu masa untok persetujuan-nya. Sa-terus-nya Majlis Kerja Tertinggi Parti ada-lah berhak membinchangkan pelaksanaan dasar Kerajaan dari satu masa ka-satu masa serta mengawal pelaksanaan dasar2 itu sesuai dengan hasrat dan kehendak ra'ayat.

Dalam hubongan ini, mustahak-lah Ketua2 Parti pada semua perengkat memahami dan mengetahui hasrat hati nurani ra'ayat supaya dalam membinchangkan dan menggubal dasar Parti kita benar2 dapat memenohi kehendak dan harapan mereka itu demi kepentingan dan kema'amoran negara. Ini-lah rengkas-nya proses penguasaan Parti ka-atas Kerajaan dan hubongan antara kedua itu.

Menurut konsep ini, susunan jentera Kerajaan ada-lah satu hak politik di-mana pemimpin2 Parti menentukan garis2 yang akan di-laksanakan oleh pentadbiran awam bagi memenohi hasrat dan kehendak2 ra'ayat jelata. Pemimpin2 kita-lah yang bertanggungjawab memberikan pimpinan kepada pentadbiran awam melaksanakan dasar dan arahan yang di-buat oleh Kerajaan. Dengan chara ini, boleh di-pastikan dasar2 Kerajaan itu mendapat sokongan ra'ayat jelata dan akan memberi faedah yang sa-habis2 besar kepada mereka.

Tegas kata, konsep penguasaan Parti ka-atas Kerajaan ada-lah berdasarkan kepada keutamaan politik Parti di-mana Kerajaan ada-lah menjadi pemegang amanah ra'ayat sa-bagai pengundi2 yang telah meletakkan keperchayaan kepada kita. Segala tindakan kita mesti-lah sesuai dengan garis2 yang termaktub dalam Perlembagaan Negara dan kedaulatan ra'ayat.

Saya suka memberikan satu contoh untuk menegaskan konsep penguasaan Parti ka-atas Kerajaan seperti yang kita amalkan sekarang. Kerajaan Perikatan yang di-beri kuasa oleh ra'ayat untuk mentadbir negara ini telah pun menyiapkan garis2 dasar yang memenohi kehendak2 ra'ayat. Dasar ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan melalui jentera pentadbiran awam. Perlaksanaan dasar ini sentiasa akan di-awasi oleh Parti melalui Jema'ah Menteri yang saya pimpin sa-bagai Perdana Menteri. Pendek-nya, pehak pentadbir awam ada-lah bertanggungjawab kepada kita sa-bagai Parti pemerintah; dan Parti kita-lah yang berkuasa untuk merancang dan menentukan bentuk dasar Kerajaan.

Sementara itu, saudara2 pula sa-bagai pemimpin2 UMNO di-perengkat Bahagian mempunyai peranan dan tugas menjadi saluran hubungan di-antara Kerajaan dengan ra'ayat jelata. Ini berma'ana saudara2 sa-kalian bertanggungjawab untuk memberikan fahaman kepada ra'ayat mengenai dasar2 yang telah di-tetapkan oleh Parti kita; di-samping itu mengawasi dan memerhatikan pelaksanaan dasar2 ini di-perengkat masing2 mendapat sokongan ra'ayat. Pandangan2 mengenai pelaksanaan dasar2 Kerajaan hendak-lah di-sampaikan kepada Majlis Kerja Tertinggi yang akan mengkaji sikap ra'ayat terhadap sa-suatu dasar dengan tujuan untuk memperbaiki mana2 dasar yang tidak mendapat sambutan dari mereka.

Saperti mana kita ma'alum, susunan kekuasaan ada-lah terbahagi kepada dua perengkat: pertama, di-perengkat Kerajaan Pusat, di-mana ahli2 Kerajaan ia-lah Menteri2 Kabinet dan Timbalan2 Menteri, di-bantu oleh Setia-usaha2 Parlimen dan

Setia-usaha2 Politik mereka. Di-perengkat Negeri pula, Kerajaan ada-lah terdiri dari Menteri2 Besar dan Ahli2 EXCO yang di-bantu oleh Setia-usaha2 Politik mereka. Tugas2 dan tanggung-jawab mereka ada-lah untuk mengekalkan kekuasaan Parti dengan memenohi hasrat ra'ayat yang telah mengundi kita, dan menentu-kan supaya segala ranchangan yang di-janjikan di-dalam mani-festo2 akan di-laksanakan sa-penoh-nya.

Pada fikiran saya, ini-lah chara penguasaan yang amat ber-kesan sa-kali ka-atas jentera pentadbiran awam. Kuasa terletak di-tangan Menteri2 Besar serta Ahli2 EXCO di-perengkat negeri; dan di-tangan Perdana Menteri serta Jema'ah Menteri di-perengkat Kerajaan Pusat. Sa-kira-nya terdapat penyelewengan di-dalam pelaksanaan dasar Kerajaan oleh pihak pentadbiran awam di-mana jua, ada-lah menjadi tugas dan tanggungjawab pemimpin2 Parti di-perengkat yang berkenaan membawa-nya kapada penge-tahuan ahli2 EXCO, atau Menteri Besar, atau kapada Menteri2 atau Perdana Menteri sendiri, sama ada melalui meshuarat Parti, atau melalui pegawai2 yang di-lantek khas oleh Menteri2 saperti Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik mereka supaya tinda-kan yang sesuai dapat di-ambil. Tidak-lah wajar pemimpin2 Parti mengeritik dan memberi arahan sa-chara terus ka-atas pegawai yang berkenaan kerana Kerajaan berparti mempunyai sistem-nya sa-bagaimana saya sebutkan tadi.

Saya perchaya dengan penerangan ini, saudara2 akan faham konsep dan ma'ana penguasaan Parti ka-atas Kerajaan. Saya berharap sa-lepas ini kita tidak lagi akan mendengar perselisihan faham di-antara Wakil2 Ra'ayat dan pemimpin2 Parti di-semua perengkat dengan pihak pentadbir awam berkenaan dengan soal

ini. Tanggongjawab pehak pentadbiran awam ada-lah menterjemah dan melaksanakan dasar2 yang telah di-luluskan oleh Parti; pelaksanaan yang tidak sempurna atau berlainan dari tujuan asal ada-lah di-anggap menyeleweng dan mereka yang berkenaan akan di-hukum oleh pehak yang berkuasa.

Sungguh pun demikian, sayugia-lah rasa persafahaman dan kerjasama sentiasa ada di-antara pehak pentadbiran awam dengan Parti. Jika tidak, pegawai2 pentadbiran awam tidak akan memahami benar tujuan2 kebangsaan sa-suatu dasar dan Wakil2 Ra'ayat tidak pula dapat memahami mas'alah2 pentadbiran yang mungkin di-hadapi oleh pehak pentadbiran awam dalam melaksanakan sa-suatu dasar itu. Dengan demikian, sangat-lah penting bagi kita memupok hubungan silaturahim dan muhibbah ini untuk faedah bersama, demi kepentingan bangsa dan negara.

Sa-telah menyemak sa-mula dasar dan Perlembagaan Parti kita, saya yakin UMNO akan dapat berjalan dengan lebeh lancar dan lichin pada masa hadapan. Saperti yang telah saya tegaskan di-Perhimpunan Agong dahulu, kita menghadapi chabaran2 dan mas'alah2 yang rumit dalam tahun2 tujuh-pulohan ini. Sa-bagai Parti yang mendukung Kerajaan, amat-lah mustahak kita mengatasi mas'alah2 ini bukan sahaja kerana ini ada-lah tanggongjawab kita bahkan lebeh penting lagi kemampuan kita menyelesaikan mas'alah2 ini akan menentukan untong nasib negara dan bangsa.

DASAR EKONOMI BARU

Sa-bagaimana yang saya katakan dahulu, Kerajaan yang saya pimpin sekarang ini berazam hendak membawa kema'

amoran dan keamanan kepada negara kita yang di-kasehi ini dengan menanamkan perasaan muhibbah dan perpaduan yang berkekalan menerusi Rukunegara dan menerusi usaha2 Majlis Perpaduan Negara dan Jawatankuasa2 Muhibbah. Dengan izin Allah, dalam sidang Parlimen bulan Julai ini saya akan membentangkan Rancangan Lima Tahun Kedua, yang mengandungi Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membaiki kedudukan ekonomi yang tidak sa-imbang serta menjamin kesetabilan dan keutohan negara.

Saperti mana kita ma'alum, Dasar Ekonomi Baru ini mempunyai dua matlamat utama: **pertama**, ia-lah untuk mengatasi mas'alah penganggoran dan membasmi kemiskinan tanpa meng-gira bangsa dan tempat; dan **kedua**, menchapai perpaduan negara dengan chara mengsaibangkan kedudukan ekonomi negara serta menghapuskan chorak pekerjaan yang berbelah bagi menurut bangsa — identification of vocation by race.

Saya sukachita menyatakan bahawa Kerajaan telah pun merangka strateji2 yang realistik untuk menchapai kedua2 matlamat ini. Kita akan mengadakan rancangan2 untuk mem-basmi kemiskinan di-kalangan ra'ayat jelata yang tidak berada, baik di-luar bandar mahu pun di-dalam bandar. Dalam hubong-an ini, kita akan terus meninggikan kadar pertumbuhan ekonomi (economic growth) dengan chara memperhebatkan lagi rancang-an pembangunan pertanian dan perusahaan termasuk-lah pe-nyertaan Kerajaan dalam rancangan2 pembangunan ini. Sa-terus-nya kita perlu mewujudkan satu gulongan pengusaha dan pedagang di-kalangan orang2 Melayu dan ahli2 Bumiputra pada semua lapisan dengan chara re-structuring atau menyusun sa-mula masharakat Melayu di-luar bandar yang sa-mata2 ber-

gantong kepada pertanian dan mengubah-nya menjadi masharakat moden yang berlandaskan perusahaan dan perdagangan di-samping pertanian.

Saya sudah pun menyatakan keputusan Kerajaan hendak menggalakkan perusahaan2 di-bandar2 dalam kawasan luar bandar sa-lain daripada menggalakkan perusahaan2 di-bandar2 besar. Untuk tujuan ini, mustahak-lah kita membawa orang2 Melayu dan bumiputra yang lain ka-bandar2 besar di-mana terdapat perusahaan2 dan perindustrian yang sudah berkembang maju. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri akan mengambil bahagian dalam perusahaan2 baru ini sama ada sa-chara sendirian atau pun sa-chara joint-venture dengan pehak swasta. Potential untuk perusahaan2 baru di-bandar2 dan di-kawasan luar bandar amat-lah baik terutama "agro-based industries" yang berlandaskan kayu kayan dan bahan2 makanan.

Sa-bagaimana yang kita ketahui, mas'alah kemiskinan di-negara kita ini bukan-lah hanya merupakan mas'alah ekonomi sahaja, bahkan ada-lah juga mas'alah politik dan mas'alah kebudayaan. Mas'alah kemiskinan ini, jika di-biarkan berterusan, sudah tentu akan membahayakan ketenteraman negara. Oleh sebab itu-lah Kerajaan berazam hendak mengatasi dan menyelesaikan mas'alah ini dengan sa-berapa segera:

Ranchangan2 untuk menyelesaikan mas'alah kemiskinan telah juga di-siapkan sa-chara besar2an meliputi bidang perdagangan dan pembangunan luar bandar. Ranchangan Pembangunan Malaysia Kedua dan ranchangan2 sa-terus-nya akan lebeh menitek-beratkan projek2 yang bertujuan untuk meninggikan pendapatan golongan rendah dan meluaskan peluang2 bekerja bagi kaum belia dalam semua lapangan.

Kerajaan sedar bahawa perpaduan negara tidak akan benar2 wujud sa-lagi kedudukan ekonomi yang tidak sa-imbang di-kalangan ra'ayat berbagai kaum tidak di-atasi dan kemajuan serta kema'amoran negara tidak di-neikmati dengan lebeh adil dan sak-sama. Dari itu, mustahak-lah Kerajaan menjalankan ranchangan2 yang telah di-susun supaya matlamat merapatkan jurang per-bedzaan di-antara golongan yang berada dan tidak berada di-chapai dengan sa-berapa segera.

Di-samping itu, kita juga menghadapi satu golongan belia yang tidak lagi sabar menunggu perubahan dan perbaikan nasib mereka. Kaum belia hari ini ada-lah lebeh berpelajaran dan sentiasa mengawasi gerak langkah kita. Ada-lah tanggungjawab kita juga memberi panduan dan pimpinan kepada mereka dengan chara menerima fikiran dan pendapat mereka itu dalam meng-gubal ranchangan2 untok masa hadapan.

Baru2 ini saya telah pun mengumumkan penubohan dua Perbadanan penting ia-itu Lembaga Padi dan Beras Negara dan Lembaga Pembangunan Bandar. Kedua2 Lembaga ini mempunyai peranan besar dalam langkah2 kita hendak meninggikan taraf ekonomi orang2 Melayu.

Untok memenohi keperluan dan tuntutan2 menjamin perkembangan ekonomi, sosial dan politik, kita akan terus memberi kemudahan2 yang lebeh luas dalam semua bidang pelajaran terutama vocational dan teknikal. Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah kita tetapkan itu pasti akan di-laksanakan dengan tegas.

Berhubung dengan Bahasa Malaysia, matlamat kita ia-lah memberikan kedudukan yang wajar kepada-nya sa-bagai bahasa

rasmi dengan menjamin nilai serta standard pelajaran yang tinggi supaya jenerasi akan datang di-lengkapi dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang mustahak dalam zaman teknologi moden ini.

DASAR LUAR NEGERI

Saya turut bershukor dan gembira kerana dasar luar negeri kita mendapat sambutan baik, di-pehak negara2 jiran tetangga kita dan juga beberapa negara sahabat di-Eropah.

Saperti mana saudara2 sakalian ma'alum, saya baru saja pulang dari menghadhiri sidang Lima Negara mengenai Pertahanan Malaysia dan Singapura. Saya sukachita menyatakan perundingan dua hari itu berhasil menchapai satu susunan pertahanan baru yang bersifat "consultative agreement", menggantikan Perjanjian Pertahanan antara Malaysia dan Britain atau AMDA yang akan mansokh mulai 1hb. November tahun ini.

Susunan pertahanan baru ini ada-lah perkembangan logical menyusul perjanjian yang ada antara kita dengan Britain sekarang ini dan sesuai dengan hasrat dan pendirian kita ia-itu keyakinan kita sa-bagai negara yang merdeka untok berdiri di-atas kaki kita sendiri. Pada prinsip-nya Pertahanan Negara adalah tanggungjawab kita sendiri sa-bagai bangsa yang merdeka. Negara2 sahabat hanya bersedia hendak menolong dan membantu kita sa-kira-nya berlaku pencherobohan yang datang dari luar negeri. Oleh itu nyata-lah konsep pertahanan baru ini ada-lah mencherminkan hasrat kita hendak berdiri di-atas kaki sendiri dan hendak mempunyai keperibadian kita sendiri.

Bagitu juga peratoran pertahanan baru ini tidak sa-kali2 berchangah dengan pendirian kita sa-bagai negara berkechuali atau non-aligned nation. Kita mustahak mengambil langkah menjaga keamanan dan ketenteraman negara kita. Dengan sebab itu, kita telah mengeshorkan dasar perkechualian wilayah Asia Tenggara. Kita berkehendakkan wilayah Asia Tenggara ini bebas dari sa-barang champor tangan oleh kuasa2 besar dan mustahak-lah kuasa2 besar ia-itu Amerika, Soviet Union dan China Komunis menjamin perkechualian Asia Tenggara ini. Hanya-lah dengan chara ini sahaja dapat kita pada muktamadnya menjamin keselamatan dan kesetabilan rantau ini.

Dalam pertemuan saya. dengan Presiden Pompidou di-Paris dan dengan Chancellor Willy Brandt di-Bonn, saya gembira sa-kali mendapat pengertian dan sokongan kedua2 pemimpin negara itu mengenai chadangan ini. Saya sungguh berpuas hati dengan hasil2 dari lawatan saya itu terutama usaha kita mendekati kuasa2 baru Eropah Barat saperti Peranchis dan Jerman Barat.